

DR. M. -SOKONG
(1)

KUALA LUMPUR, 1 OKT. (BERNAMA) -- RAYUAN DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD KEPADA NEGARA-NEGARA KAYA UNTUK MEMBAWA DUNIA KELUAR DARI KEADAAN KEMELESETAN DIALU-ALUKAN OLEH PARA PENIAGA TEMPATAN.

GESAANNYA SUPAYA KADAR FAEDAH YANG LEBIH RENDAH TELAH MENDAPAT PERHATIAN RAMAI DENGAN PARA PENIAGA MENYEBUT KOS WANG YANG TINGGI SEBAGAI PUNCA MASALAH EKONOMI DUNIA.

+BELIAU MENYAMPAIKAN SERUAN ITU TEPAT PADA MEREKA YANG BERKE-
NAAN,+ KATA TAN SRI S.O.K. UBaidULLAH, YANG DIPERTUA DEWAN
PERNIAGAAN INDIA BERSATU DI SINI HARI INI.

KETIKA BERUCAP DI MAJLIS PERHIMPUNAN AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU RABU LALU, PERDANA MENTERI BERKATA KADAR FAEDAH YANG TINGGI DAN DASAR PERLINDUNGAN YANG SEMAKIN MENJADI-JADI SEBAGAI DUA DASAR YANG MENGAKIBATKAN KEADAAN KEMELESETAN.

BELIAU MENGGESA NEGARA-NEGARA MAJU BERTINDAK DAN MENGUBAH DASAR-DASAR YANG SECARA TERANG-TERANG ADALAH SALAH. -- LAGI
1855/IB

8624:

DR. M-SOKONG 2 KUALA LUMPUR

TAN SRI UBaidULLAH BERKATA SERUAN DATUK SERI DR. MAHATHIR AGAR KADAR FAEDAH DIKURANGKAN ADALAH SATU GESAN MASYARAKAT, PERNIAGAAN DI SELURUH DUNIA.

KATANYA,+ KOS WANG ADALAH BEGITU TINGGI SEHINGGA TIDAK SEORANG PUN DAPAT MENYIMPAN STOK DAN MENGELUAR PINJAMAN SECARA JANGKA PANJANG. SETIAP FIRMA PERDAGANGAN KINI MENYIMPAN STOK MINIMA DAN MENYEDIAKAN KEMUDAHAN PINJAMAN MINIMA.+

TAN SRI UBaidULLAH BERKATA SEHINGGA 1979, KADAR-KADAR FAEDAH IALAH DARI 7.5 PERATUS KEPADA 10 PERATUS SETAHUN.

DISEBABKAN KADAR TINGGI FAEDAH DI BARAT, KADAR PINJAMAN MULAI NAIK DI MALAYSIA SELEPAS ITU. KADAR PIIINJAMAN MALAYSIA KINI IALAH DARI 13.5 HINGGA 15.5 PERATUS.

ENCIK D.C. L. WILSON, PENGARAH URUSAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN ANTARABANGSA MALAYSIA MENYOKONG SERUAN PERDANA MENTERI.

+KITA HENDAKLAH MENENTUKAN GARISAN YANG SEBAIK-BAIK ANTARA KADAR FAEDAH DENGAN INFLASI. KITA TIDAK BOLEH DAPAT KEDUA-DUANYA,+
KATANYA. --BERNAMA 1900/IB